



**Apa boleh
anda lakukan
sekiranya
berlaku
Tsunami?**



**APA BOLEH ANDA
LAKUKAN SEKIRANYA
BERLAKU TSUNAMI?**

APA ITU TSUNAMI?


Tsunami adalah satu siri ombak laut yang sangat besar disebabkan oleh gempa bumi, tanah runtuh di bawah air, atau letusan gunung berapi. Ia boleh berlaku pada mana-mana musim sepanjang tahun dan tidak kira masa sama ada siang atau malam.

Tsunami boleh menyebabkan banjir dan menimbulkan masalah kepada pengangkutan, bekalan kuasa, komunikasi, serta air minuman. Ombak boleh bergerak selaju 30 hingga 50 kilometer sejam dan boleh mencapai ketinggian sehingga 25 meter. Anda mungkin juga boleh mendengar bunyi seperti kereta api atau kapal terbang yang sedang menghampiri, atau seperti bunyi siulan.



PERINGATAN MENGENAI TSUNAMI

- Sekiranya amaran tsunami dikeluarkan, bersedialah untuk berpindah dengan kadar segera. Jauhi pantai dan tebing sungai.
- Sama ada gempa bumi kuat berlaku sekejap ataupun berlarutan untuk tempoh yang panjang, ia boleh mencetuskan tsunami




Sebelum Berlaku Tsunami

Benar, anda boleh bersiap sedia untuk tsunami!


Berikut apa yang boleh anda lakukan:

- Luangkan masa tinjau kawasan sekitar tempat kerja dan juga rumah anda, kenal pasti lokasi terbaik untuk berlindung dalam setiap bilik.
- Ketahui berapa jalan di kawasan anda berbanding dengan paras laut, serta jarak jalan berkenaan dari pantai atau perairan lain yang berisiko tinggi. Arah pemindahan mungkin berpandukan kepada data ini.



Sebelum Berlaku Tsunami

- Ambil maklum mengenai lokasi alat pemadam api dan laluan menyelamatkan diri.
- Ambil bahagian secara aktif dalam latihan keselamatan dianjurkan pejabat atau komuniti setempat anda. Kongsi pengetahuan anda bersama keluarga dan rakan-rakan.
- Muat turun aplikasi amaran kecemasan tempatan pada telefon pintar supaya anda boleh menerima kemas kini mengenai kes kecemasan seperti tsunami dan lain-lain bencana.



Sebelum Berlaku Tsunami

Sediakan beg kecemasan anda.

Beg itu seharusnya mengandungi barangan penting yang mungkin anda perlukan sekiranya terpaksa berpindah.



Ia termasuk: Lampu suluh dengan bateri tambahan, wisel untuk menarik perhatian orang lain, pelitup muka, salinan dokumen penting peribadi, wang tunai, senarai kenalan, ubat-ubatan peribadi, bekas air, bekalan air 1.5 liter, beberapa makanan sedia untuk dimakan, baju hujan, bekalan kebersihan asas.


Semasa Tsunami

- Jika anda berhampiran pantai, duduk, lindung dan pegang sehingga gegaran berhenti.
- Jika gegaran teruk berlangsung selama 20 saat atau lebih, segeralah berpindah ke kawasan tinggi kerana tsunami mungkin sudah pun digerakkan oleh gempa bumi.
- Pergi ke kawasan tanah tinggi sejauh mungkin ke kawasan pedalaman. Bergerak ke pedalaman atau ke kawasan darat dengan ketinggian sekurang-kurangnya 30 meter di atas paras laut serta-merta.




Semasa Tsunami

- Dengar maklumat serta amaran kecemasan.
- Berwaspada dengan tanda-tanda tsunami, seperti peningkatan atau pengeringan mendadak air laut.
- Jika anda berada di dalam bot, pergi ke laut.
- Pindah: **JANGAN** tunggu! Pergi apabila anda lihat sebarang tanda semula jadi tsunami **ATAU** mendengar amaran tsunami rasmi.
- Berjalan dengan cepat, bukannya memandu, untuk mengelak lalu lintas, debris, dan bahaya lain.



Semasa Tsunami

- Jangan hampiri pantai untuk melihat tsunami melanda. Jika anda boleh melihatnya, bermakna anda mungkin terlalu hampir untuk melarikan diri.
- Jika tsunami berlaku dan anda tidak dapat sampai ke lokasi lebih tinggi, duduk di dalam bangunan di mana anda terlindung daripada air.



Selepas Tsunami

Dengar makluman setempat serta daripada pihak berkuasa mengenai maklumat kawasan yang perlu dielak dan lokasi berlindung.



Elakkan mengharung air banjir, yang boleh mengandungi serpihan berbahaya. Air mungkin lebih dalam berbanding apa yang dilihat.

Selepas Tsunami

Berhati-hati dengan risiko renjatan elektrik. Talian kuasa bawah tanah atau yang terputus boleh mengalirkan elektrik melalui air.



Jangan sentuh peralatan elektrik jika ia basah atau jika anda berdiri di dalam air.

**APA BOLEH ANDA
LAKUKAN SEKIRANYA
BERLAKU TSUNAMI?**

Selepas Tsunami

Jauhi bangunan, jalan raya dan jambatan yang rosak.



Pastikan rakan sekerja anda, keluarga, diri anda sendiri selamat sebelum membantu orang lain, berikan pertolongan kecemasan sekiranya perlu dan mampu.